A

KESAVAN KRISHNAN lwn. PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AZIAH ALI HMR
TENGKU MAIMUN MAT HMR
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
B [RAYUAN JENAYAH NO: J-05-224-09-2013 & J-05-225-09-2013]
9 DISEMBER 2014

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Pengedaran dadah berbahaya – Dadah jenis heroin seberat 128.1g dijumpai dalam beg plastik ('eksibit') – Perayu-perayu ditangkap bersama-sama tertuduh-tertuduh yang lain di bawah s. 34 Kanun Keseksaan – Percanggahan keterangan mengenai tempat tangkapan dibuat – Pembelaan tertuduh – Tertuduh menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan – Perayu-perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati – Tertuduh-tertuduh dilepaskan dan*
D *dibebaskan – Sama ada keraguan munasabah wujud ke atas keseluruhan kes pendakwaan – Sama ada campur tangan rayuan wajar*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Perayu-perayu ditangkap bersama-sama tertuduh-tertuduh yang lain di bawah s. 34 Kanun Keseksaan – Perayu-perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati –*
E *Tertuduh-tertuduh dilepaskan dan dibebaskan – Sama ada pembelaan menimbulkan keraguan munasabah ke atas keseluruhan kes pendakwaan – Sama ada s. 34 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa jika beberapa orang yang dituduh bersama dilepas dan dibebaskan, tertuduh yang lain perlu dilepas dan dibebaskan juga*

F ***KETERANGAN:*** *Saksi – Saksi berkepentingan – Kes pihak pendakwaan disandarkan pada keterangan saksi polis – Percanggahan dalam keterangan – Sama ada percanggahan material – Sama ada boleh diterima oleh mahkamah tanpa keterangan bebas yang lain – Kegagalan mengemukakan laporan polis – Sama ada anggapan bertentangan harus digunapakai – Kanun Tatacara Jenayah, s. 51A –*
G *Akta Keterangan 1950, s. 114(g)*

ASP Sobri bin Baki ('SP3') dan sepasukan polis telah membuat pemerhatian di Jalan Niaga 2 dan Jalan Niaga 3, Bandar Kota Tinggi pada 22 Februari 2012. Pada lebih kurang jam 8.15 malam, SP3 melihat sebuah kereta yang
H dipandu oleh perayu pertama. Pada mulanya, perayu pertama keluar daripada kereta tersebut dan diikuti oleh tertuduh kedua, ketiga dan perayu kedua. Perayu kedua dikatakan dilihat keluar daripada kereta tersebut sambil memegang satu beg plastik ('eksibit'). Eksibit tersebut kemudiannya diserahkan kepada perayu pertama. Ketika itu, SP3 dan pasukannya telah menyerbu ke arah mereka dan merampas eksibit yang dipegang oleh perayu
I pertama. Eksibit tersebut telah disahkan oleh ahli kimia ('SP2'), sebagai heroin seberat 128.1g. Perayu pertama dan kedua ('perayu-perayu') kemudiannya dipertuduh bersama-sama dengan tertuduh kedua dan ketiga

('tertuduh-tertuduh') bagi kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') dibaca bersama-sama s. 34 Kanun Keseksaan ('KK'). Hakim bicara telah memutuskan bahawa pembelaan tertuduh-tertuduh berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan kerana terdapat percanggahan keterangan oleh SP4 dan SP3 berkenaan tempat kejadian di mana tangkapan-tangkapan dibuat. Oleh itu, di akhir perbicaraan, tertuduh-tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan, manakala, perayu-perayu pula didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman mati. Terkilan, perayu-perayu merayu ke mahkamah ini. Dalam mencabar keputusan hakim bicara, perayu-perayu telah mengemukakan alasan bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta dalam memutuskan bahawa (i) pembelaan tertuduh-tertuduh telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan melepaskan dan membebaskan mereka tetapi, sebaliknya mensabitkan perayu-perayu sedangkan keterangan yang dikemukakan untuk membuktikan kesalahan terhadap mereka adalah sama dan mereka dituduh dengan niat bersama di bawah s. 34 KK; dan (ii) terdapat percanggahan material dalam keterangan SP3, SP4 dan senarai bongkar mengenai tempat di mana eksibit dijumpai tetapi menerima keterangan SP3 dan SP4 sebagai kredibel dan selamat untuk disandarkan. Perayu-perayu juga telah menghujahkan bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk membekalkan laporan polis kepada perayu-perayu berdasarkan peruntukan s. 51A Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') mewajarkan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta') digunapakai oleh hakim bicara.

Diputuskan (mengenepikan sabitan dan hukuman; melepaskan dan membebaskan perayu-perayu)
Oleh Mohd Zawawi Salleh HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Set fakta dan keterangan mengenai tempat tangkapan dibuat yang diputuskan oleh hakim bicara sebagai telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan berhubung dengan tertuduh kedua dan tertuduh ketiga adalah set fakta dan keterangan sama yang dikemukakan terhadap perayu pertama dan kedua. Tempat kejadian di mana mereka ditangkap adalah penting kerana tunjang/akar kes pendakwaan adalah bahawa perayu kedua dikatakan telah keluar daripada kereta dengan memegang eksibit dan kemudian menyerahkannya kepada perayu pertama di tempat kejadian. (perenggan 26)

(2) Hakim bicara terkhilaf apabila mengambil pendekatan yang berbeza dalam menilai kes terhadap tertuduh-tertuduh dan terhadap kes perayu-perayu. Oleh itu, hakim bicara 'engaged in an illogical and irrational reasoning process' kerana faedah keraguan tersebut sepatutnya diberikan juga kepada perayu pertama dan kedua. Undang-undang tidak menetapkan bahawa jika beberapa orang yang dituduh bersama dilepaskan dan dibebaskan, bermakna tertuduh-tertuduh lain perlu dilepaskan dan dibebaskan juga. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa

A alasan mengapa keraguan yang memudaratkan kes pendakwaan terhadap tertuduh-tertuduh tidak memberi kesan yang sama terhadap perayu-perayu. (perenggan 27 & 29)

(3) Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa sabitan terhadap seseorang tertuduh hanya boleh dibuat jika tidak terdapat keraguan yang B munasabah dalam keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Hakim bicara menerima keterangan saksi-saksi polis, iaitu SP3 dan SP4 kerana mereka dikatakan tidak mempunyai apa-apa kepentingan, apatah lagi untuk mereka-reka cerita. Justeru, isu perayu pertama dan perayu kedua dianiaya tidak timbul. Namun begitu, C percanggahan yang wujud bukan merupakan satu percanggahan kecil tetapi adalah suatu percanggahan material. Percanggahan-percanggahan material telah menjadikan keterangan yang diberikan oleh SP3 dan SP4 tidak meyakinkan dan meragukan. Keraguan ini menjejaskan keterangan penting di mana keseluruhan kes pihak pendakwaan disandarkan. D Dengan wujudnya percanggahan-percanggahan material dalam keterangan saksi-saksi utama pihak pendakwaan, tidak boleh diputuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap perayu-perayu tanpa keraguan yang munasabah. (perenggan 30, 32, 38, 39 & 47)

(4) Cadangan undang-undang bahawa keterangan saksi-saksi polis hendaklah E secara *prima facie* diterima oleh mahkamah tidak boleh dipakai secara universal tanpa pengecualian. Ia bergantung kepada fakta dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes. Keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi polis wajar diterima oleh mahkamah sekiranya ia boleh dipercayai dan diyakini walaupun tidak disokong oleh keterangan bebas yang lain. F Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna keterangan saksi-saksi polis hendaklah diterima dalam apa jua keadaan. Ujian yang ketat terhadap ketepatan dan kredibiliti kesemua saksi, termasuklah saksi-saksi polis, hendaklah dibuat oleh mahkamah. (perenggan 40, 43 & 46)

(5) Seksyen 51A KTJ hanya mewajibkan pihak pendakwaan membekalkan G laporan maklumat pertama kepada pihak pembelaan. Dalam kes ini, apabila laporan dibuat, pihak polis telah pun mengambil langkah-langkah aktif dalam penyiasatan. Oleh itu, laporan tersebut tidak boleh diterima sebagai keterangan. Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan tangkap tidak mewajarkan anggapan bertentangan di bawah H s. 114(g) (Akta) digunapakai oleh hakim bicara. (perenggan 51 & 52)

***English** Translation Of Headnotes*

ASP Sobri bin Baki ('SP3') and a team of police officers had conducted an observation at Jalan Niaga 2 and Jalan Niaga 3, Bandar Kota Tinggi on I 22 February 2012. At about 8.15pm, SP3 saw a car driven by the first appellant. Initially, the first appellant alighted from the car followed by the second accused, the third accused and the second appellant. The second appellant was seen to have alighted from the car while holding a plastic bag

('the exhibit'). The exhibit was then given to the first appellant. At that moment, SP3 and his team rushed towards them and seized the exhibit from the first appellant. The exhibit was confirmed by the chemist ('SP2') to be 128.1g of heroin. The first and second appellants ('appellants') were subsequently charged together with the first and second accused ('accused persons') under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA 1952') read together with s. 34 of the Penal Code ('PC'). The trial judge held that the defence of the accused persons had cast a reasonable doubt on the prosecution's case as there was conflicting evidence by SP4 and SP3 with regards to the location of the incident where the arrests were made. Therefore, at the end of trial, the accused persons were acquitted and discharged while the appellants however, were found guilty and sentenced to death. Aggrieved, the appellants appealed to this court. In challenging the decision of the trial judge, the appellants argued that the trial judge had erred in fact and in law in finding that (i) the defence of the accused persons had cast a reasonable doubt on the prosecution's case and accordingly acquitted and discharged them while on the contrary, convicted the appellants although the evidence produced to establish the offence against all of them were the same and they were charged with common intention under s. 34 of the PC; and (ii) there were material contradiction in the evidence of SP3 and SP4 and the search list of where the exhibits were recovered from but yet accepted the evidence of SP3 and SP4 as credible and safe to be relied upon. The appellants also argued that due to the prosecution's failure to provide the police reports to the appellants pursuant to s. 51A of the Criminal Procedure Code ('CPC'), s. 114(g) of the Evidence Act 1950 ('Act') ought to be invoked against the prosecution.

Held (setting aside conviction and sentence; discharging and acquitting appellants):
Per Mohd Zawawi Salleh JCA delivering the judgment of the court:

(1) The set of facts and evidence regarding the location of arrest which was decided by the trial judge to have raised a reasonable doubt on the prosecution's case relating to the accused persons was the same set of facts and evidence which were produced against the appellants. The location of the incident where they were arrested was important because the root of the prosecution's case was that the second appellant was said to have alighted from the car while holding the exhibit and thereafter gave the exhibit to the first appellant.

(2) The trial judge had erred in taking a different approaches in accessing the case against the accused persons and the case against the appellants. As such, the trial judge had engaged in an illogical and irrational reasoning process because the benefit of the doubt was also to be given to the appellants. The law did not require that if several accused persons which were arrested together were discharged and acquitted, that meant that the other accused persons had to be discharged and acquitted as

A well. However, there were no reasons why the doubt which was fatal to the prosecution's case against the accused persons did not give the same effect to the appellants.

(3) It is trite law that a person can only be convicted if there is no reasonable doubt in the evidence which was produced by the prosecution. The trial
B judge had accepted the evidence of SP3 and SP4 because they were said to not have any interest, let alone to concoct stories. As such, there were no issues that arose that the appellants were framed. However, the contradiction that existed were not minor but material contradiction. The material contradictions in the evidence of SP3 and SP4 were not
C convincing and were doubtful. This doubt had effected the vital evidence on which the whole of the prosecution's case was relied upon. With the existence of the material contradictions in the evidence of the main witnesses of the prosecution, it could not be concluded that the prosecution had established its case against the appellants without any
D reasonable doubt.

(4) The legal proposition that the evidence of police witnesses shall be *prima facie* accepted by the court cannot be applied universally without exception. It depends on the facts and circumstances that existed in a particular case. The evidence given by the police witness shall be
E accepted by the court if it can be believed and relied upon without being corroborated by any other independent evidence. However, this does not mean that evidence of police witnesses shall be accepted in any circumstances. A strict test towards the accuracy and credibility of all witnesses, including police witnesses, shall be conducted by the court.

F **(5)** Section 51A of the CPC only requires the prosecution to provide the first information report to the defence. In the present case, when the report was made, the police had already taken active steps in conducting investigations. As such, the report could not be accepted as evidence. The failure of the prosecution to produce the arrest report did not merit
G the invocation of s. 114(g) of the Act by the trial judge.

Kes-kes yang dirujuk:

Chan King Yu v. PP [2009] 1 CLJ 601 FC ***(dirujuk)***
Chia Meng Leng v. PP [2013] 2 CLJ 926 CA ***(dirujuk)***
Dalbir Singh v. State of Haryana [2008] 11 SCC 425 SC ***(dirujuk)***
H *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2010] 4 CLJ 265 FC* ***(dirujuk)***
Gunalan Ramachandran & Ors v PP [2006] 1 CLJ 857 FC ***(dirujuk)***
Jagatheesen Krishnasamy v. PP [2006] 4 SLR 45 ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Latif Sakimin [2005] 6 MLJ 351 ***(dirujuk)***
PP lwn. Aedy Osman [2009] 1 LNS 13 HC ***(dirujuk)***
I *PP v. Foong Sek Hoong [1989] 2 CLJ 1259; [1989] 2 CLJ (Rep) 314 HC* ***(dirujuk)***
PP v. Lee Eng Kooi [1993] 2 CLJ 534 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Ali [1962] 1 LNS 129 HC ***(dirujuk)***

PP v. Roslim Harun [1993] 3 CLJ 505 HC ***(dirujuk)***
PP v. Wong Moy [1988] 2 CLJ 521; [1988] 2 CLJ (Rep) 352 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yap Boon Chang [1992] 2 CLJ 1257; [1992] 3 CLJ (Rep) 454 HC ***(dirujuk)***
Saifuddin Mustafa v. PP [2014] 10 CLJ 114 CA ***(dirujuk)***
State and Raymond Titus (High Court Ref No: 13858) ***(dirujuk)***
State of UP v. Naresh [2011] 4 SCC 324 ***(dirujuk)***
Tahir v. State (Delhi) [1996] 3 SCC 338 SC ***(dirujuk)***
Yusoff Kassim v. PP [1992] 3 CLJ 1535; [1992] 1 CLJ (Rep) 376 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 51A
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(1)(a)
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu pertama - K Viknesvaran; T/n Viknes Ratna & Company
Bagi pihak perayu kedua - Kuldeep Kumar Jamna Dass (Athari Bahardin bersamanya); T/n J Kuldeep Kumar & Co
Bagi pihak responden - Muhamad Yasser Mohd Nasri; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Johor Bahru; Perbicaraan Jenayah No: 45A-12-2012]

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh HMR:

Pendahuluan

[1] Di hadapan Mahkamah Tinggi Johor Bharu, perayu-perayu telah dituduh bersama-sama dengan dua (2) orang lagi tertuduh dengan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952) yang boleh dihukum di bawah s. 39B(1) ADB 1952, dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan.

[2] Kesavan a/l Krishnan (perayu pertama) ialah tertuduh pertama dan K.Thien Maung (perayu kedua) ialah tertuduh keempat semasa dibicarakan di Mahkamah Tinggi Johor. Dua (2) orang tertuduh lain ialah Suriya Pragas a/l Subramaniam (tertuduh kedua) dan Khaing Warm San (tertuduh ketiga).

[3] Di akhir perbicaraan, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga telah dilepas dan dibebaskan. Manakala perayu pertama dan perayu kedua pula didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang dikemukakan. Mereka dijatuhkan hukuman mati mandatori seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.

[4] Tidak berpuas hati dengan sabitan dan hukuman tersebut, perayu pertama dan perayu kedua telah merayu ke mahkamah ini.

[5] Selepas mendengar hujahan-hujahan lisan peguambela-peguambela terpelajar perayu-perayu dan timbalan pendakwa raya terpelajar, kami memutuskan bahawa adalah tidak selamat untuk mengekal dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara. Justeru, kami mengenepikan sabitan dan hukuman tersebut. Perayu pertama dan perayu kedua diperintahkan supaya dilepas dan dibebaskan serta merta.

[6] Kini kami memberikan alasan-alasan terperinci keputusan.

Pertuduhan

[7] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu-perayu dan dua (2) lagi tertuduh ialah seperti yang berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 22 Februari 2012, jam lebih kurang 08.20 malam di tepi Jalan Niaga 2, Bandar Kota Tinggi, dalam daerah Kota Tinggi, dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, untuk meneruskan niat bersama kamu semua telah mengedar dadah berbahaya iaitu heroin seberat 128.1 gram, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Kes Pihak Pendakwaan

[8] Kes pihak pendakwaan banyak bersandar kepada keterangan ASP Sobri bin Baki ("SP3") yang mengetuai pasukan serbuan di tempat kejadian pada 22 Februari 2012, jam lebih kurang 7 malam. Beliau dan sepasukan polis telah membuat pemerhatian di tempat kejadian, iaitu di Jalan Niaga 2 dan Jalan Niaga 3, Bandar Kota Tinggi.

[9] Pada jam lebih kurang 8.15 malam, SP3 melihat sebuah kereta jenis Proton Saga bernombor pendaftaran JLG 2107 yang dinaiki empat (4) orang lelaki berlegar-legar di Jalan Niaga 2 dan Jalan Niaga 3. Sejurus kemudian, kereta tersebut berhenti di tepi Jalan Niaga 3. Pemandu kereta tersebut (yang kemudiannya dicamkan sebagai perayu pertama) adalah orang yang mula-mula keluar daripada kereta tersebut dan diikuti oleh tertuduh kedua, tertuduh ketiga dan perayu kedua. Perayu kedua dikatakan dilihat keluar daripada kereta tersebut dengan memegang satu (1) beg plastik dan berbincang sesuatu dengan perayu pertama dan tertuduh-tertuduh lain. Kemudiannya, perayu kedua dikatakan dilihat telah menyerahkan beg plastik yang dipegangnya itu kepada perayu pertama. Selepas itu, kesemua mereka dilihat telah melintas jalan dan menuju ke arah Jalan Niaga 2.

[10] Pada ketika itu, SP3 dan pasukannya telah menyerbu ke arah perayu pertama, perayu kedua dan tertuduh-tertuduh lain sambil memperkenalkan diri sebagai polis. Menyedari kehadiran polis, mereka telah melarikan diri tetapi berjaya ditangkap. SP3 telah merampas beg plastik (eks. P10A) yang dikatakan masih dipegang oleh perayu pertama di tangan kanannya.

[11] Pemeriksaan terhadap eks. P10A mendapati lima (5) bungkusan surat khabar berbahasa Melayu dan Inggeris. Apabila eks. P10A dibuka, setiap satu bungkusan itu didapati mengandungi satu (1) peket plastik lutsinar yang berisi bahan ketulan berwarna coklat yang disyaki dadah berbahaya.

[12] Eksibit yang dirampas telah dihantar ke Jabatan Kimia. Encik Abd Rahim bin Shahdan, ahli kimia (SP2), selepas menjalankan ujian-ujian yang diperlukan, mengesahkan bahawa bahan-bahan ketulan yang dirampas itu ialah heroin seberat 128.1g.

[13] Semasa pemeriksaan balas terhadap SP3 dan Yusuf bin Johar (SP4), seorang anggota pasukan serbuan, peguambela perayu pertama telah mencadangkan kepada mereka bahawa perayu kedua tidak memegang beg plastik semasa beliau keluar daripada kereta dan tidak ada perbincangan sesama mereka. Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak dipersetujui oleh SP3 dan SP4.

Kes Pembelaan

[14] Dalam pembelaannya, perayu pertama menafikan yang beliau membawa beg plastik (eks. P10A) yang mengandungi dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan. Mengikut perayu pertama, pada hari kejadian, beliau telah mengajak tertuduh kedua untuk pergi ke Kota Tinggi kerana ingin berjumpa dengan kawannya. Sesampai di kawasan Plaza Kota Tinggi, beliau berjumpa dengan tertuduh ketiga dan perayu kedua yang sedang keluar dari sebuah kedai minum. Perayu pertama telah mengajak tertuduh ketiga dan perayu kedua menaiki keretanya kerana tertuduh ketiga telah gagal menghubungi kawannya.

[15] Perayu pertama telah memberhentikan keretanya di Plaza Kota Tinggi setelah tertuduh ketiga memberitahunya bahawa kawannya berada di Plaza tersebut. Mereka turun daripada kereta dan ditangkap oleh polis.

[16] Dalam pembelaannya pula, perayu kedua menafikan yang beliau ada menyerahkan eks. P10A kepada perayu pertama. Mengikut perayu kedua, pada hari kejadian, beliau telah diajak oleh tertuduh ketiga untuk ke Kota Tinggi dan pada masa yang sama beliau juga ingin berjumpa dengan kawannya yang bernama An Nai Fah. Sesampai di Kota Tinggi, perayu kedua tidak dapat menghubungi rakan yang tinggal serumah dengan An Nai Fah.

[17] Menurut perayu kedua lagi, di Plaza Kota Tinggi, perayu pertama telah memberhentikan kereta kerana tertuduh ketiga telah menerima panggilan telefon daripada kawannya yang sedang menunggu di tingkat 2 Plaza Kota Tinggi. Mereka turun daripada kereta. Perayu kedua ditangkap di pintu masuk ke Plaza Kota Tinggi.

[18] Bagi menyokong pembelaan mereka, perayu pertama dan perayu kedua telah memanggil tertuduh kedua (SD3) dan tertuduh ketiga (SD4) memberi keterangan. SD3 tidak bersetuju dengan cadangan timbalan

pendakwa raya terpelajar bahawa selepas kereta tersebut berhenti, perayu kedua telah menyerahkan eks. P10A kepada perayu pertama. (Lihat ms. 110 rekod rayuan). SD4 juga tidak bersetuju dengan cadangan timbalan pendakwa raya terpelajar bahawa apabila kereta itu berhenti di Plaza Kota Tinggi, perayu kedua telah menyerahkan eks. P10A kepada perayu pertama.

Rayuan

[19] Dalam mencabar keputusan yang dibuat oleh hakim bicara, peguambela-peguambela terpelajar perayu pertama dan perayu kedua telah mengemukakan alasan-alasan yang hampir sama dan bertindih antara satu sama lain. Alasan-alasan tersebut bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Yang Arif hakim bicara terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa pembelaan tertuduh kedua dan tertuduh ketiga telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan mereka dilepas dan dibebaskan tetapi sebaliknya mensabitkan perayu pertama dan perayu kedua dengan kesalahan yang dipertuduhkan sedangkan keterangan yang dikemukakan bagi membuktikan kesalahan terhadap mereka adalah sama dan mereka dituduh dengan niat bersama (s. 34 Kanun Keseksaan);

(b) Yang Arif hakim bicara terkhilaf dari segi undang-udang dan fakta apabila memutuskan terdapat percanggahan material dalam keterangan SP3, dan SP4 dan senarai bongkar (eks. P17A - P17D) mengenai tempat di mana eks. P10A dijumpai tetapi menerima keterangan mereka sebagai kredibel dan selamat untuk disandarkan; dan

(c) Yang Arif hakim bicara terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memutuskan bahawa kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan polis dalam keadaan yang wujud dalam kes ini mewajarkan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dipakai.

[20] Kami akan membincangkan alasan (a) dan (b) secara bersama kerana kedua-dua alasan tersebut melibatkan fakta yang sama.

Alasan (a) Dan (b)

[21] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa pembelaan tertuduh kedua dan tertuduh ketiga telah berjaya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pembelaan dan memerintahkan supaya mereka dilepas dan dibebaskan.

[22] Peguambela terpelajar perayu pertama berhujah bahawa faedah keraguan munasabah tersebut sepatutnya diberikan juga kepada perayu pertama dan perayu kedua memandangkan kesemua mereka telah dituduh dengan niat bersama dan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan kesalahan terhadap mereka adalah sama.

[23] Bagi menyokong hujahan tersebut, rujukan dibuat kepada kes *Saifuddin Mustafa v. PP* [2014] 10 CLJ 114, apabila Mahkamah Rayuan, melalui Linton Albert HMR, menyatakan:

> [9] The heart of the prosecution case was OKT1 and the appellant each carrying P14 on either side. The dangerous drugs were found in P14. That vital aspect of the prosecution case was demolished when the learned Judicial Commissioner accepted the truth of OKT1's denial that he was carrying P14 together with the appellant. Elementary logic dictates that it was not open to the learned Judicial Commissioner to then apply a totally opposite finding that the appellant was carrying P14 together with OKT1 and convict the appellant on that finding, more so, where as here, the appellant was jointly charged together with OKT1 for committing the criminal act in the two charges in furtherance of the common intention of both of them. It stood to reason, therefore, the essential ingredient of common intention in both charges was also rendered non-existent.
>
> Understandably the essential element of common intention was not addressed by the learned Judicial Commissioner. He was plainly wrong when he did not apply the finding in respect of the heart of the prosecution's case in respect of OKT1 to the appellant as well. The benefit of the finding given to OKT1 must also be accorded to the appellant. After all, what is sauce for the goose is sauce for the gander.

[24] Dalam penghakimannya, hakim bicara telah memberi alasan-alasan yang berikut apabila memutuskan bahawa pembelaan tertuduh kedua dan tertuduh ketiga telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan:

(a) SP3 menyatakan bahawa kesemua mereka ditangkap di tempat berlainan. Perayu pertama dikatakan ditangkap di bahagian belakang Plaza Kota Tinggi, tertuduh kedua di bahagian kiri Plaza yang sama. Manakala tertuduh ketiga dan perayu kedua pula ditangkap di bahagian hadapan Plaza. Ini secara nyata bercanggah dengan keterangan seorang anggota serbuan, SP4, yang berada bersama-sama dengan SP3, di mana beliau menyatakan bahawa kesemua mereka ditangkap di suatu tempat yang sama, iaitu di bahagian belakang Plaza;

(b) Pegawai penyiasat (SP8) menyatakan bahawa kesemua mereka telah ditangkap di tempat yang sama, iaitu di kawasan bertanda 'E' dalam rajah kasar. (eks. P21); dan

(c) Senarai pemeriksaan/bongkar (eks. P17) mencatatkan bahawa tempat pemeriksaan ialah di tepi Jalan Niaga 2 (di bahagian hadapan Plaza Kota Tinggi).

[25] Kesan dari percanggahan-percanggahan ini telah disimpulkan oleh hakim bicara di ms. 39 dan 40 rekod rayuan seperti berikut:

A ... Membandingkan di antara keterangan saksi-saksi Pendakwaan ini sendiri, khususnya terhadap lokasi sebenar OKT-OKT ditangkap suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah sememangnya wujud percanggahan yang material di atas fakta ini, yang lantas menimbulkan suatu keraguan yang munasabah ...

B Percanggahan ini pula diburukkan lagi melalui keterangan SP3 dan SP8, khususnya mengenai senarai pemeriksaan (P17). Mengambil kira akan keterangan dua saksi ini yang menyatakan bahawa OKT(1) ditangkap di bahagian belakang Plaza, OKT(2) pula ditangkap di bahagian kiri Plaza dan keterangan dari SP4 pula menyatakan kesemua OKT di tangkap di bahagian belakang Plaza, bagaimanakah pula dengan kedudukan ekshibit C P17 yang menyatakan bahawa kesemua OKT telah ditangkap di bahagian hadapan Plaza. Jelas wujud percanggahan yang material di sini.

[26] Pada pandangan kami, set fakta dan keterangan mengenai tempat di mana tangkapan dibuat yang diputuskan oleh hakim bicara sebagai telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan D berhubung dengan tertuduh kedua dan tertuduh ketiga adalah set fakta dan keterangan yang sama yang dikemukakan terhadap perayu pertama dan perayu kedua. Tempat sebenar mereka ditangkap adalah penting kerana tunjang/akar (root) kes pendakwaan ialah bahawa perayu kedua dikatakan telah keluar daripada kereta dengan memegang eks. P10A dan kemudiannya E telah menyerahkan eksibit itu kepada perayu pertama di tempat kejadian. SP3 dan pasukannya telah menyerbu dan menangkap mereka di Jalan Niaga 2 (di hadapan Plaza Kota Tinggi). Pada masa tangkapan, perayu pertama dikatakan masih memegang eks. P10A di tangan kanannya.

[27] Pada hemat kami, hakim bicara terkhilaf apabila mengambil F pendekatan yang berbeza dalam menilai kes terhadap tertuduh kedua dan tertuduh ketiga dan kes terhadap perayu pertama dan perayu kedua. Dengan mengambil pendekatan berbeza tersebut, hakim bicara "engaged in an illogical and irrational reasoning process" kerana sepatutnya faedah keraguan tersebut diberikan juga kepada perayu pertama dan perayu kedua.

G **[28]** Kami menyedari bahawa undang-undang tidak menetapkan bahawa jika beberapa orang tertuduh bersama dilepas dan dibebaskan, ini bermakna tertuduh-tertuduh lain perlu dilepas dan dibebaskan juga. Dalam kes *Dalbir Singh v. State of Haryana* [2008] 11 SCC 425, Mahkamah Agung India memutuskan seperti berikut:

H Merely because some of the accused persons have been acquitted, though evidence against all of them, so far as direct testimony went, was the same does not lead as a necessary corollary that those who have been convicted must also be acquitted. It is always open to a Court to differentiate the accused who had been acquitted from those who were convicted. I (See *Gurucharan Singh and another v. State of Punjab*: AIR 1956 SC 460).

[29] Walau bagaimanapun, dalam kes ini, kami tidak mendapati apa-apa alasan mengapa keraguan yang memudaratkan kes pendakwaan terhadap tertuduh kedua dan tertuduh ketiga tidak memberi kesan yang sama terhadap perayu pertama dan perayu kedua.

[30] Percanggahan yang wujud bukanlah merupakan satu percanggahan kecil tetapi adalah suatu percanggahan material mengenai fakta yang menjadi tunjang/akar (root) kes pendakwaan. Dalam kes *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2006] 1 CLJ 857, mahkamah memutuskan:

> Minor discrepancies are possible even in the version of truthful witnesses and such minor discrepancies only add to the truthfulness of their evidence (*Sidhan v. State of Kerala* [1986] Cri LJ 470, 473 (Ker)). **But discrepancies in the statements of witnesses on material points should not be lightly passed over, as they seriously affect the value of their testimony** (*Brij Lal v. Kunwar*, 36 A 187: 18 CWN 649: A 1914 PC 38). The main thing to be seen is whether the inconsistencies go to the root of the matter or pertain to insignificant aspects thereof. In the former case, the defence may be justified in seeking advantage of the incongruities obtaining in the evidence. In the latter, however no such benefit may be available to it (*Krishna Pillai Sree Kumar v. State of Kerala A* [1981] SC 1237, 1239: 1981 Cri UJ 734). (Penekanan ditambah).

[31] Dalam nada yang sama, Mahkamah Agung India dalam kes *State of UP v. Naresh* [2011] 4 SCC 324 menyatakan:

> Therefore, mere marginal variations in the statements of a witness cannot be dubbed as improvements as the same may be elaborations of the statement made by the witness earlier. *The omissions which amount to contradictions in material particulars ie, go to the root of the case/materially affect the trial or core of the prosecution's case, render the testimony of the witness liable to be discredited.* (Penekanan ditambah).

[32] Justeru, percanggahan-percanggahan material dalam kes ini telah menjadikan keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi utama pendakwaan (SP3 dan SP4) tidak meyakinkan dan meragukan. Persoalan yang timbul ialah adakah perayu kedua telah keluar daripada kereta dengan memegang eks. P10A dan kemudiannya telah menyerahkan kepada perayu pertama. Atau adakah versi perayu pertama yang disokong oleh keterangan SD3 dan SD4 bahawa perayu kedua tidak memegang apa-apa beg plastik semasa keluar dari kereta adalah benar. Keraguan ini menjejaskan keterangan penting di mana keseluruhan kes pihak pendakwaan disandarkan.

[33] Dalam pemeriksaan balasnya di ms. 103 rekod rayuan, perayu pertama menyatakan:

> Masa ditangkap polis, saya tidak ada bawa apa-apa beg. Masa saya turun dari kereta dan keluar kereta, tidak ada sesiapa serahkan beg plastik kepada saya. OKT3 dan 4 tidak ada serahkan apa-apa beg plastik sewaktu turun dari kereta. 3 orang OKT yang lain ini saya tidak lihat dan tidak tahupun di mana mereka ditangkap. Saya ditangkap seorang sahaja, sebab saya seorang sahaja yang pergi ke Gedung Plaza itu.

A Semasa pemeriksaan balas SD3 di muka surat 111 Rekod Rayuan, beliau menyatakan:

> Saya tidak lihat OKT1 ada pegang plastik dadah. Saya juga tidak lihat sama ada OKT3 atau 4 ada serah apa-apa plastik dadah kepada OKT1.

B Semasa pemeriksaan balas SD4 di muka surat 114 Rekod Rayuan, beliau menyatakan:

> Saya tidak setuju pada cadangan yang kata bila sampai di Plaza Kota, OKT4 telah serahkan kepada OKT1, satu beg plastik.

C **[34]** Keraguan yang timbul menjadi lebih parah kerana terdapatnya keterangan yang tidak disangkal daripada SD5 bahawa tidak terdapat apa-apa beg atau bungkusan di dalam kereta yang mereka naiki. Semasa pemeriksaan balas SD5 di ms. 115 rekod rayuan, beliau telah memberi keterangan atas sumpah seperti berikut:

D Semasa saya berada di dalam kereta, saya tidak ada lihat apa-apa beg atau bungkusan ada di dalam kereta. Selepas keluar dari kereta, saya tidak ada serahkan apa-apa bungkusan kepada OKT1. Saya keluar dari kereta dengan OKT3 lainnya saya tidak perasan.

Di muka surat 118 rekod Rayuan, beliau menyatakan:

E Saya tidak setuju yang dalam perjalanan dalam kereta, saya ada pegang satu plastik lutsinar yang ada dadah berbahaya. Saya tidak setuju pada cadangan yang kata, sampai di Plaza Kota Tinggi saya telah serah satu bungkusan plastik kepada OKT1.

[35] Sekiranya beg plastik tidak dilihat berada di dalam kereta, F bagaimanakah perayu kedua dengan tiba-tiba dilihat keluar dari kereta dengan memegang beg plastik (eks. P17A)? Dari manakah perayu kedua mengambil beg plastik tersebut. Aspek keterangan ini telah tidak diteliti oleh hakim bicara semasa membuat penilaian terhadap pembelaan yang dikemukakan oleh perayu pertama dan perayu kedua.

G **[36]** Pada kesimpulannya, adalah jelas bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan sendiri telah menimbulkan percanggahan dalam aspek penting kes dan menimbulkan keraguan yang munasabah. Dalam kes *Yusoff Kassim v. PP* [1992] 3 CLJ 1535; [1992] 1 CLJ (Rep) 376; [1992] 2 MLJ 183 Mahkamah Agung memutuskan:

H There was thus an acute conflict of evidence upon a question of central importance in the case for the prosecution itself, giving rise to more than a reasonable doubt as to whether the appellant carried one or two bags, the benefit of which he was plainly entitled to.

[37] Kami bersetuju dengan pemerhatian yang dibuat oleh Vincent Ng PK I (sebagaimana beliau ketika itu) dalam kes *PP v. Lee Eng Kooi* [1993] 2 CLJ 534; [1993] 2 MLJ 322 seperti berikut:

> The function of the court in a criminal trial is to find whether the person arraigned before it as the accused is guilty of the offence with which he is charged. For this purpose, the court scans the material on record to find whether there is any reliable and trustworthy evidence upon the basis of which it is possible to found the conviction of the accused and to hold that he is guilty of the offence with which he is charged. If in a case the prosecution leads two sets of evidence, each one of which contradicts and strikes at the other and shows it to be unreliable, the result would necessarily be that the court would be left with no reliable and trustworthy evidence upon which the conviction of the accused might be based. Inevitably, the accused would have the benefit of such a situation.

[38] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa sabitan terhadap seseorang tertuduh hanya boleh dibuat jika tidak terdapat keraguan yang munasabah dalam keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Frasa 'keraguan munasabah' telah dijelaskan dalam kes *Jagatheesen Krishnasamy v. PP* [2006] 4 SLR 45 seperti berikut:

> 61. To summarise, the Prosecution bears the burden of proving its case beyond reasonable doubt. While this does not mean that the Prosecution has to dispel all conceivable doubts, the doctrine mandates that, at the very least, those doubts for which there is a reason that is, in turn, relatable to and supported by the evidence presented, must be excluded. Reasonable doubt might also arise by virtue of the lack of evidence submitted, when such evidence is necessary to support the Prosecution's theory of guilt. Such a definition of reasonable doubt requires the trial judge to apply his mind to the evidence; to carefully sift and reason through the evidence to ensure and affirm that his finding of guilt or innocence is grounded entirely in logic and fact. A trial judge must also bear in mind that the starting point of the analysis is not neutral. An accused is presumed innocent and this presumption is not displaced until the Prosecution has discharged its burden of proof. Therefore, if the evidence throws up a reasonable doubt, it is not so much that the accused should be given the benefit of the doubt as much as the Prosecution's case simply not being proved. In the final analysis, the doctrine of reasonable doubt is neither abstract nor theoretical. It has real, practical and profound implications in sifting the innocent from the guilty; in deciding who should suffer punishment and who should not. The doctrine is a bedrock principle of the criminal justice system in Singapore because while it protects and preserves the interests and rights of the accused, it also serves public interest by engendering confidence that our criminal justice system punishes only those who are guilty.

[39] Dalam alasan penghakimannya, hakim bicara menerima keterangan saksi-saksi polis (SP3 dan SP4) kerana mereka dikatakan tidak mempunyai apa-apa kepentingan, apatah lagi untuk mereka-reka cerita. Tambahan pula, mereka tidak pernah berjumpa dan tidak mengenali satu sama lain. Justeru, tidak timbul perayu pertama dan perayu kedua dianiaya.

[40] Adalah tidak dipertikaikan bahawa keterangan saksi-saksi polis hendaklah diterima jika keterangan tersebut didapati munasabah (lihat *PP v. Mohamed Ali* [1962] 1 LNS 129; [1962] MLJ 257; *PP lwn. Aedy Osman* [2009] 1 LNS 13; *PP v. Abdul Latif Sakimin* [2005] 6 MLJ 351). Pada pandangan kami, proposisi undang-undang bahawa keterangan saksi-saksi polis hendaklah secara *prima facie* diterima oleh mahkamah tidak boleh dipakai secara universal tanpa pengecualian. Ia banyak bergantung kepada fakta dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes.

[41] Dalam kes *State and Raymond Titus* (High Court Ref No: 13858), Mahkamah Tinggi Afrika Selatan membincangkan mengenai pendekatan yang perlu diambil dalam menilai keterangan saksi polis seperti berikut:

> [11] As noted earlier, the fact that Horn was a policeman did not per se entitle his evidence to greater weight than that of the accused nor constitute a basis for laying caution to rest. It is true that the accused in the present case, if he was guilty, had a motive to testify dishonestly, ie to avoid conviction and punishment; but this is true in virtually every criminal case. Furthermore, and while one naturally does not expect a policeman to lie and falsely implicate an accused person, it is unfortunately not possible to say that this never happens. Police officials may have a desire to obtain convictions, particularly where a suspect is known to them as a person who has had previous brushes with the law or is one whom they suspect for other reasons (not founded in the evidence before the court) of having engaged in criminal activity. I do not for a moment suggest that the majority of policeman would behave in this way but, where an accused protests his innocence, one cannot dismiss it out of hand as being by its very nature a far-fetched possibility.

[42] Kami bersetuju dengan pendekatan yang diambil oleh kes di atas dan berpendapat ia merupakan pendekatan yang betul dalam mempertimbangkan keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi agensi-agensi penguatkuasa, termasuklah saksi polis.

[43] Pada pandangan kami, keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi polis wajar diterima oleh mahkamah sekiranya ia boleh dipercayai dan diyakini walaupun tidak disokong oleh keterangan bebas yang lain. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna keterangan saksi-saksi polis hendaklah diterima dalam apa jua keadaan pun. Dalam kes *Tahir v. State (Delhi)* [1996] 3 SCC 338, Mahkamah Agung India memutuskan:

> 6. ... In our opinion no infirmity attaches to the testimony of the police officials, merely because they belong to the police force and there is no rule of law or evidence which lays down that conviction cannot be recorded on the evidence of the police officials, if found reliable, unless corroborated by some independent evidence. The Rule of Prudence, however, only requires a more careful scrutiny of their evidence, since they can be said to be interested in the result of the case projected by them. Where the evidence of the police officials, after careful scrutiny,

inspires confidence and is found to be trustworthy and reliable, it can form basis of conviction and the absence of some independent witness of the locality to lend corroboration to their evidence, does not in any way affect the creditworthiness of the prosecution case.

[44] Mengenai kes *Mohamad Ali* (*supra*), kami ingin membuat beberapa ulasan. Kes ini diputuskan sebelum kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89 dan *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 yang memutuskan bahawa kesemua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan hendaklah tertakluk kepada penilaian maksimum. Terdapat juga kes-kes di mana saksi-saksi polis telah diputuskan oleh mahkamah mereka-reka, menokok tambah atau membunga-bungai (embellished) keterangan bagi menyokong kes pendakwaan (lihat *PP v. Wong Moy* [1988] 2 CLJ 521; [1988] 2 CLJ (Rep) 352; [1988] 3 MLJ 280; *Chan King Yu v. PP* [2009] 1 CLJ 601; *PP v. Yap Boon Chang* [1992] 2 CLJ 1257; [1992] 3 CLJ (Rep) 454; *PP v. Foong Sek Hoong* [1989] 2 CLJ 1259; [1989] 2 CLJ (Rep) 314).

[45] Dalam kes *Chia Meng Leng v. PP* [2013] 2 CLJ 926, Hishamudin Yunus HMR berkata:

In the case of the appellant that is now before us, during the trial at the High Court, the defence had tendered as evidence (marked as exh. D36) the notes of the proceeding of the High Court in the other case. The purpose of the defence tendering exh. D36 was to show that PW2 was not credible as his evidence in that other case had been successfully impeached, and that the learned trial judge in the other case (Mohd Zawawi Salleh JC) had found ASP Leong (PW2) (who was called as a key prosecution witness (as PW4)) to be not a credible witness. This finding on ASP Leong's credibility in the other case was one of the main reasons that led to the court in that case to rule that the prosecution had failed to make out a *prima facie* case.

As we have said earlier, exh. D36 was brought to the attention of the learned trial judge in the instant case. The notes of proceedings of that other case (ie, exh. D36) show that PW2 had been impeached in the course of the trial of that other case; and that the charge in that other case arose out of the same set of facts as in our case. In fact, ideally, as a matter of procedure, the two cases should have been tried together, and not tried separately by two different judges (see s. 165(1) of the Criminal Procedure Code). In our judgment, in view of the successful impeachment of the testimony of ASP Leong (PW2) in the other case, and the finding of the learned trail judge there that PW2 was not a credible witness, these findings have seriously undermined PW2's credibility in the instant case; particularly, as the two cases are very closely related by reason of the facts that we have shown above; and that, strictly, these two cases, as we have just said, ought to have been tried together, and not separately. In the present case, we observe that it is obvious from the grounds of judgment that the learned trial judge had failed to give due weight to the PW2's impeachment in the other trial. In fact, the learned trial judge never weighed exh. D36 at all. On this ground alone we find the conviction unsafe and ought to be set aside.

[46] Kesimpulannya, keterangan saksi-saksi polis hendaklah diperlakukan sama seperti saksi-saksi yang lain di mana mahkamah hendaklah menelitinya dengan cermat bagi memutuskan sama ada ia boleh dipercayai atau disandarkan. Ujian yang ketat terhadap ketepatan (accuracy) dan kredibiliti (credibility) semua saksi, termasuklah saksi-saksi polis, hendaklah dibuat oleh mahkamah.

[47] Berdasarkan alasan-alasan di atas, kami memutuskan bahawa alasan (a) dan (b) adalah bermerit. Dengan wujudnya percanggahan-percanggahan material dalam keterangan saksi-saksi utama pihak pendakwaan, tidaklah boleh diputuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya dengan keterangan jelas (clear), kukuh (cogent) dan meyakinkan (convincing and reliable) terhadap perayu pertama dan perayu kedua tanpa keraguan yang munasabah.

[48] Alasan-alasan di atas sudah memadai bagi kami untuk membenarkan rayuan ini. Namun bagi melengkapkan perbincangan, kami akan memperkatakan alasan (c) yang dikemukakan oleh peguambela terpelajar.

Alasan (c)

[49] Peguambela perayu kedua berhujah bahawa memandangkan terdapat percanggahan material antara keterangan SP3; SP4 dan borang bongkar (eks. P17A - P17D), laporan polis adalah amat penting untuk dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi menolak atau menyokong keterangan yang diberikan. Peguambela terpelajar menyatakan walaupun beliau telah membuat permohonan supaya laporan polis itu dibekalkan kepadanya mengikut peruntukan s. 51A Kanun Tatacara Jenayah, namun pihak pendakwaan telah gagal berbuat demikian (lihat ms. 76 rekod rayuan). Dihujahkan bahawa kegagalan tersebut terjumlah kepada penyembunyian (suppression) dan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 sepatutnya dipakai oleh hakim bicara.

[50] Kami tidak mendapat gambaran yang jelas mengenai laporan polis yang dirujuk oleh peguambela terpelajar perayu kedua iaitu sama ada laporan maklumat pertama (FIR) atau laporan tangkap (arrest report). Dari penelitian keterangan SP3, pada pandangan kami, laporan tersebut ialah laporan tangkap kerana SP3 menyatakan bahawa beliau tidak mencatat di dalam laporan polisnya bahawa tertuduh-tertuduh ada berbincang selepas keluar daripada kereta (lihat ms. 73 rekod rayuan). SP3 juga menyatakan beliau ada mencatat kecederaan di bahagian dagu dan muka yang dialami oleh tertuduh kedua di dalam laporan polisnya (lihat ms. 74, rekod rayuan).

[51] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa s. 51A Kanun Tatacara Jenayah hanya mewajibkan pihak pendakwaan membekalkan laporan maklumat pertama (FIR) kepada pihak pembelaan (lihat kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2010] 4 CLJ 265). Dalam kes ini, apabila laporan

dibuat, pihak polis telapun mengambil langkah-langkah aktif dalam penyiasatan dan dengan demikian laporan tertentu tidak boleh diterima sebagai keterangan. (Lihat kes *PP v. Roslim Harun* [1993] 3 CLJ 505).

[52] Dalam penghakiman kami, kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan tangkap dalam keadaan yang wujud dalam kes ini tidak mewajarkan anggapan bertentangan di bawah s. 114 (g) Akta Keterangan 1950 dipakai oleh hakim bicara.

[53] Justeru, alasan (c) adalah tidak bermerit.

Kesimpulan

[54] Berdasarkan keputusan kami mengenai alasan (a) dan (b) di atas, kami berpendapat bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes terhadap perayu pertama dan perayu kedua tanpa keraguan yang munasabah. Adalah tidak selamat bagi mahkamah untuk mengekal dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara. Justeru, perintah hakim bicara yang mensabitkan perayu pertama dan perayu kedua diketepikan. Perayu pertama dan perayu kedua diperintahkan dilepas dan dibebaskan.